

22/01/1997

Tan & Tan bina MiCasa di Kemboja

Kadir Dikoh

TAN & TAN Developments Bhd (T & T), syarikat awam tempatan berasaskan pelaburan dalam pembangunan hartanah dan perhotelan, mahu memperkukuhkan pelaburan dalam pengurusan hotel berbentuk apartmen mewah di rantau Asean.

Menerusi syarikat pengurusannya, iaitu MiCasa International Hotels & Resorts (MIHR), T & T yang mempunyai nilai modal pasaran melebihi RM850 juta, setakat ini berjaya memperolehi kontrak pengurusan enam hotel berbentuk apartmen iaitu dua di Kuala Lumpur dan sebuah masing-masingnya di Johor Bahru, Yangon, Hanoi dan yang terbaru di Phnom Penh.

Baru-baru ini, T & T menerusi anak syarikatnya, TTD Sdn Bhd (TTD) menyertai konsortium yang sedang membangunkan kompleks apartmen mewah di Phnom Penh, Kemboja itu. Kompleks dinamakan "MiCasa Cambodiana Hotel Apartments" bernilai AS\$25 juta (RM62.5 juta) itu apabila siap menjelang 1998, akan diuruskan oleh MIHR.

"Kami menjangka untuk memperolehi sekurang-kurangnya dua lagi projek apartmen mewah di rantau ini dalam tempoh 12 bulan akan datang untuk diuruskan oleh MIHR," kata Pengarah Urusan TTD, Tan Boon Lee di upacara menandatangani perjanjian projek apartmen Phnom Penh itu, yang berlangsung di Singapura, baru-baru ini.

Beliau tidak menyebut lokasi serta kos projek yang dijangka diperolehi syarikatnya itu tetapi mahu rangkaian hotel berbentuk apartmen mewah atas jenama "MiCasa" itu popular di Asia.

Katanya, sejajar dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya syarikat tempatan membabitkan diri dalam pelaburan global atau sekurang-kurangnya di rantau ini, MIHR akan menjadi syarikat pengurusan Malaysia yang pertama untuk memberi tumpuan bagi apartmen di Asia.

Syarikat induk T & T yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejak 1993 dan mencatat keuntungan RM51 juta bagi tempoh enam bulan pertama tahun lalu, mengenal pasti apartmen Micasa sebagai salah satu pelaburan utamanya di rantau ini.

Tan berkata, apartmen MiCasa yang pertama di Kuala Lumpur dibuka pada 1988 dan sejak itu ia menikmati purata kadar penginapan 80 peratus. Berikutan pembukaan hotel kembarnya, Sucasa, juga di ibu negara, T & T menguasai lebih separuh daripada pasaran apartmen mewah di Kuala Lumpur.

"Menjelang pertengahan tahun ini, Johor Bahru MiCasa Hotel Apartments dijadual dibuka untuk memulakan perniagaan, diikuti MiCasa Yangon, MiCasa Phnom Penh dan MiCasa Hanoi di antara 1988/89. Kami menjangka bahawa menjelang tahun 2000, T & T bertapak lebih kukuh di rantau Asean untuk apartmen hotel MiCasa.

"Kemudahan dan peralatan di MiCasa direka bentuk bagi memenuhi cita rasa terutama kepada pegawai asing yang mahukan kemudahan seperti hotel antarabangsa tetapi dengan keselesaan serta persekitaran seperti di rumah sendiri," katanya.

Katanya, menerusi syarikat pengurusan MIHR, T & T yakin prestasi MiCasa dan sentiasa berusaha menyertai ekuiti dengan rakan kongsi. Pengalaman lapan tahun yang diperolehi MIHR menerusi pengurusan MiCasa, memberikannya kelebihan saingan untuk bersaing di rantau ini.

Tan berkata, walaupun pembangunan hartanah menjadi tumpuan utama sejak T & T diperbadankan pada 1971, syarikat itu memperluaskan pelaburan modalnya untuk meliputi hotel serta hartanah pelaburan di samping perniagaan utamanya dalam pembangunan perumahan serta hartanah komersil.

Mengenai projek apartmen terbaru di Phnom Penh, beliau berkata ia meliputi 172 unit apartmen satu dan dua bilik, terletak di persimpangan Cambodiana Hotel berdekatan Cambodian Royal Palace di Boulevard Lenine, berhadapan Sungai Mekong.

Katanya, pembinaan apartmen mewah di kawasan seluas 18,000 meter padu di tanah pajak 70 tahun itu, akan dimulakan bulan depan. Ia mengandungi tiga blok apartmen iaitu blok pertama setinggi lima tingkat untuk 92 unit, blok kedua - juga lima tingkat (60 unit) dan blok ketiga setinggi tiga tingkat dengan 20 unit.

Antara kemudahan ialah kolam renang sepanjang 25 meter, gimnasium, gelanggang tenis, pusat perniagaan, restoran, pejabat pengurusan/pentadbiran, pusat perubatan dan tempat letak kereta.

Projek apartmen itu dimajukan oleh syarikat usaha sama dikenali sebagai Neldon Limited yang 40 peratus ekuitinya milik TTD. Konsortium itu diterajui syarikat dari Singapura, SUTL Corporation (SUTL) menerusi anak syarikatnya, SUTL Investment Pte Ltd dengan pegangan 42 peratus. Bakinya (18 peratus) diwakili Federated Overseas Limited, juga firma dari Singapura yang menjadi milik bersama Guthrie GTS Ltd dan Lee Kim Tah Holding Ltd.

Tiga pihak terbabit menandatangani perjanjian itu di Singapura Jumaat lalu. Di majlis itu, TTD diwakili pengerusinya, Tan Sri Abu Talib Othman manakala SUTL diwakili timbalan pengerusinya, Arthur Tay dan pengarah Federated Overseas Ltd, Low Chek Kwang bagi pihak syarikatnya.

Tan berkata, kerjasama di antara syarikat Malaysia dan Singapura itu yang mengiktiraf kekuatan masing-masing serta menggunakan kepakaran yang ada, akan menjamin kejayaan pelaksanaan dan operasi projek apartmen di Kemboja itu.

Tay pula berkata, pembangunan projek apartmen itu sedang berjalan lancar dan mengalu-alukan penyertaan TTD sebagai rakan kongsi yang strategik, bagi persiapan untuk pelancaran operasi projek berkenaan.

(END)